

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/1994

Oktober/November 1993

BPT 381 - KAEDAH PATOLOGI TUMBUHAN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BPT 381/3)

1. Huraikan secara terperinci kaedah-kaedah serta peringkat-peringkat yang terlibat dalam pemencilan dan penulinan patogen daripada perumah yang dijangkiti oleh:

- (a) virus
- (b) nematod

(20 markah)

2. Kultur kulat anda telah dikontaminasikan oleh kedua-dua bakteria dan hamama. Bagaimanakah anda boleh membebaskan kultur tersebut daripada agen kontaminan sehingga mendapatkan suatu kultur tulin?

(20 markah)

3. Dengan menggunakan prinsip pertumbuhan secara terus-menerus serta prinsip kedormanan terauh, bincangkan satu kaedah pengawetan kulat masing-masing daripada dua prinsip tersebut. Berikan kebaikan dan keburukan untuk kaedah berkenaan.

(20 markah)

4. (a) Bincangkan secara ringkas teknik penginokulatan untuk kulat dan bakteria. Berikan contoh yang sesuai di mana perlu.

(10 markah)

.../3-

(BPT 381/3)

(b) Huraikan kaedah-kaedah serta medium yang digunakan untuk pemencilan mikroorganisma dari tanah.

(10 markah)

5. Anda diberikan kedua-dua medium cecair dan bahan pepejal yang peka terhadap haba. Bagaimanakah anda boleh menjalankan pensterilan supaya tidak mengubah atau merosakkan sifat bahan tersebut.

(20 markah)

6. Tuliskan nota-nota tentang EMPAT daripada tajuk yang berikut:

(a) Pensterilan tanah

(b) Hidroponik

(c) Medium semulajadi

(d) Jurnal-jurnal antarabangsa berkaitan dengan Patologi Tumbuhan

(e) Pengawetan spesimen-spesimen tumbuhan hijau atau berwarna

(f) Kaedah penilaian penyakit tumbuhan.

(20 markah)

-0000000-